

01 MAR 2001

Hamid-Colombia

DR MAHATHIR PELAWA PETANI COLOMBIA LAWAT MALAYSIA

PUTRAJAYA, 1 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mempelawa Colombia menghantar petani atau pemimpin pertubuhan peladangnya melawat Malaysia untuk melihat sendiri kejayaan rancangan tanah dan ladang kelapa sawit di negara ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Colombia yang sedang berdepan dengan perang gerila, berminat menimba pengalaman Malaysia dalam membuka rancangan tanah dan meningkatkan taraf sosio ekonomi rakyatnya.

"Dr Mahathir berharap untuk menyaksikan peningkatan dalam hubungan dua hala," katanya kepada pemberita selepas pertemuan delegasi Malaysia diketuai Perdana Menteri dan rombongan Colombia yang dipimpin presidennya Andres Pastrana Arango, yang tiba hari ini untuk lawatan empat hari.

Syed Hamid berkata Pastrana melahirkan hasrat Colombia untuk belajar daripada Malaysia tentang langkah menentang kumpulan dadah dan gerila anti-kerajaan.

"Mereka juga mahukan benih (kelapa sawit) yang baik agar mereka menjadi produktif," katanya.

Syed Hamid berkata Malaysia selaku pengeluar terbesar minyak sawit dunia sedia bekerjasama kerana pasarnya tertumpu di Afrika dan Asia Timur manakala pasaran Colombia adalah di negara Amerika Latin dan Amerika Syarikat.

"Jadi, tidak ada persaingan tetapi saling sokong menyokong," katanya.

Dalam temubual dengan akhbar The New Straits Times di Bogota minggu lepas, Pastrana dilaporkan berkata beliau berharap untuk memujuk pelabur Malaysia dan pengusaha ladang kelapa sawit melabur di negaranya dan untuk menimba pengalaman Malaysia menentang pergerakan bawah tanah.

Colombia mengeluarkan 80 peratus hasil kokain dunia dan berdepan dengan beberapa kumpulan pemberontak.

Syed Hamid berkata Pastrana dan rombongannya yang mengandungi beberapa menteri dan ahli perniagaan akan melawat sebuah skim Felde di Johor esok untuk melihat kejayaan Malaysia dalam bidang itu.

Pastrana juga mempelawa Malaysia melabur dalam sektor petroleum dan gas di Colombia.

"Mereka juga berminat dengan sistem pendidikan Malaysia dan pelaburan kita dalam bidang ini," kata Syed Hamid.

Pada mesyuarat itu, Colombia juga meminta sokongan Malaysia untuk menjadi anggota forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC).

"Malaysia menyokong hasrat mereka walaupun terdapat moratorium selama 10 tahun. Jika ada peluang, kita pasti menyokong mereka," katanya.

Syed Hamid berkata kedua-dua negara bersetuju bahawa kerjasama antara Amerika Latin dan rantau ini harus diperluaskan dan berharap forum Asia Timur dan Amerika Latin penghujung bulan depan akan menyediakan ruang untuk tujuan itu.

Pastrana juga mengundang Dr Mahathir melawat Colombia.

-- BERNAMA

AR AZZ MAI